

KEPUASAN HATI PELANGGAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA: PERSPEKTIF AHLI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara berperanan bagi memantapkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran sektor awam. Peranan ini dilaksanakan melalui pengauditan dan disampaikan melalui Laporan Ketua Audit Negara. Pelanggan utama kepada Laporan Ketua Audit Negara adalah Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan auditi. Selain itu, Laporan Ketua Audit Negara turut mendapat perhatian masyarakat umum.

Persepsi pelanggan mengenai Laporan Ketua Audit Negara adalah penting kerana ini menunjukkan jabatan telah berjaya memenuhi harapan dan jangkaan pengguna dan seterusnya memenuhi tanggungjawab yang diberikan. Sehubungan itu, kajian dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas pelanggan utama jabatan yang terdiri daripada Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Rakyat dan Negara serta DUN terhadap Laporan Ketua Audit Negara.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- i. mendapatkan maklum balas kepuasan hati Ahli Parlimen dan DUN berkenaan Laporan Ketua Audit Negara;
- ii. mendapatkan input bagi menambah baik Laporan Ketua Audit Negara.

3. SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya meliputi Laporan Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan untuk tempoh 3 tahun, iaitu di antara tahun 2001 sehingga 2003. Responden diminta memberikan pendapat mereka berdasarkan kepada 4 aspek berikut:

- i. Fungsi dan peranan Jabatan Audit Negara;
- ii. Laporan Ketua Audit Negara;
- iii. Skop pengauditan; dan
- iv. Kredibiliti Jabatan Audit Negara

Sampel bagi kajian ini adalah Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan DUN sahaja.

4. METODOLOGI KAJIAN

Satu set borang selidik disediakan dan diedarkan kepada Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan DUN.

Soal selidik tersebut terbahagi kepada 2 bahagian iaitu maklumat demografi responden dan kepuasan hati pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara berdasarkan kepada aspek fungsi dan peranan Jabatan Audit Negara, Laporan Ketua Audit Negara, skop pengauditan dan kredibiliti Jabatan Audit Negara.

Kefahaman terhadap fungsi dan peranan Jabatan Audit Negara dinilai dari aspek mandat Jabatan Audit Negara, fungsi yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara, Laporan Ketua Audit Negara, penemuan audit, syor audit serta pandangan dan pendapat audit.

Kepuasan hati pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara dinilai dari aspek berikut:-

- i. impak laporan yang disediakan;
- ii. peranan dalam membantu wakil rakyat menjalankan tanggungjawab mereka;
- iii. ketepatan maklumat dilaporkan;
- iv. isu audit
- v. kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit; dan
- vi. kebebasan Laporan Ketua Audit Negara.

Kepuasan hati terhadap skop pengauditan Jabatan Audit Negara juga dinilai bagi melihat sama ada skop pengauditan ketika ini membolehkan Ahli Parlimen dan DUN membuat penilaian terhadap akauntabiliti kerajaan, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam, pendapat audit dan pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan.

Kredibiliti Jabatan Audit Negara turut dinilai berdasarkan maklumat yang disediakan, kepatuhan Kementerian/jabatan/agensi terhadap peraturan dan undang-undang serta kesan pengauditan terhadap keyakinan rakyat kepada akauntabiliti pengurusan wang awam. Sumbangan Jabatan Audit Negara ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan dan akauntabiliti sektor awam turut dinilai. Cadangan dan komen responden juga diminta bagi meningkatkan keberkesanan Laporan Ketua Audit Negara.

5. ANALISIS KAJIAN

5.1 Latar Belakang Responden

Seramai 112 responden (14.47 %) telah mengembalikan borang soal selidik berbanding 774 borang soal selidik yang diedarkan.

a. Jantina

Berdasarkan sampel, 99 responden (90.8%) adalah lelaki dan 10 responden adalah wanita (9.2%). Terdapat 3 responden tidak menyatakan jantina mereka.

| Jantina | Bilangan | Peratus |
|----------------|-----------------|----------------|
| Lelaki | 99 | 90.8 |
| Wanita | 10 | 9.2 |
| Jumlah | 109 | 100.0 |

Jadual 1: Jantina

b. Umur

Seramai 3 responden (2.7%) berumur kurang daripada 30 tahun, 4 responden (3.6%) berumur di antara 31 hingga 35 tahun, 8 responden (7.2%) berumur di antara 36 hingga 40 tahun, 14 responden (12.6%) berumur di antara 41 hingga 45 tahun, 24 responden (21.6%) berumur di antara 46 hingga 50 tahun dan 58 responden (52.3%) berumur lebih daripada 50 tahun. Terdapat seorang responden tidak menyatakan kumpulan umurnya.

| Umur | Bilangan | Peratus |
|--------------------|-----------------|----------------|
| Kurang 30 tahun | 3 | 2.7 |
| 31 hingga 35 tahun | 4 | 3.6 |
| 36 hingga 40 tahun | 8 | 7.2 |
| 41 hingga 45 tahun | 14 | 12.6 |
| 46 hingga 50 tahun | 24 | 21.6 |
| Lebih 50 tahun | 58 | 52.3 |
| Jumlah | 111 | 100.0 |

Jadual 2: Kumpulan umur

c. Keahlian Parlimen dan DUN.

Seramai 41 responden (36.6%) adalah Ahli Dewan Rakyat, 14 responden (12.5%) adalah Ahli Dewan Negara dan 57 responden (50.9%) merupakan Ahli DUN.

| Dewan | Bilangan | Peratus |
|-----------------|-----------------|----------------|
| Rakyat | 41 | 36.6 |
| Negara | 14 | 12.5 |
| Undangan Negeri | 57 | 50.9 |
| Jumlah | 112 | 100.0 |

Jadual 3: Keahlian dalam Parlimen dan DUN

d. Jawatan Dalam Pentadbiran Kerajaan

Seramai 5 responden (4.9%) menjawat jawatan sebagai Menteri dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri, 6 responden (5.8%) merupakan Timbalan Menteri dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri, 5 responden (4.9%) merupakan Setiausaha Parlimen, 18 responden (17.5%) adalah EXCO Kerajaan Negeri dan 69 responden (67.%) tidak menjawat sebarang jawatan dalam pentadbiran kerajaan. Terdapat 9 responden tidak menyatakan kedudukan mereka dalam pentadbiran kerajaan sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri.

| Jawatan Dalam Kabinet | Bilangan | Peratus |
|------------------------------|-----------------|----------------|
| Menteri | 5 | 4.9 |
| Timbalan Menteri | 6 | 5.8 |
| Setiausaha Parlimen | 5 | 4.9 |
| EXCO Kerajaan Negeri | 18 | 17.5 |
| Tiada | 69 | 67.0 |
| Jumlah | 103 | 100.0 |

Jadual 4: Jawatan dalam pentadbiran kerajaan.

e. Kedudukan Dalam Parlimen/ DUN

Seramai 102 responden (91.9%) merupakan wakil rakyat mewakili kerajaan manakala 9 responden (8.1%) merupakan pembangkang di dalam Parlimen/ DUN. Seorang daripada responden tidak menyatakan kedudukannya di dalam Parlimen/DUN.

| Kedudukan Dalam Parlimen/DUN | Bilangan | Peratus |
|-------------------------------------|-----------------|----------------|
| Kerajaan | 102 | 91.9 |
| Pembangkang | 9 | 8.1 |
| Jumlah | 111 | 100.0 |

Jadual 5: Kedudukan dalam Parlimen/DUN.

f. Tempoh Perkhidmatan

Seramai 50 responden (44.5%) berkhidmat kurang daripada 5 tahun, 28 responden (27.2%) telah berkhidmat di antara 6 hingga 10 tahun, 18 responden (17.5%) telah berkhidmat di antara 11 hingga 15 tahun, 5 responden (4.9%) telah berkhidmat di antara 16 hingga 20 tahun dan seorang (1%) telah berkhidmat di antara 21 hingga 25 tahun dan melebihi 25 tahun masing-masing. Terdapat 9 responden tidak menyatakan tempoh perkhidmatan mereka.

| Tempoh Perkhidmatan | Bilangan | Peratus |
|----------------------------|-----------------|----------------|
| Kurang daripada 5 tahun | 50 | 44.5 |
| 6 hingga 10 tahun | 28 | 27.2 |
| 11 hingga 15 tahun | 18 | 17.5 |
| 16 hingga 20 tahun | 5 | 4.9 |
| 21 – 25 tahun | 1 | 1.0 |
| Lebih 25 tahun | 1 | 1.0 |
| Jumlah | 103 | 100.0 |

Jadual 6: Tempoh perkhidmatan.

g. Sumber Maklumat Laporan Ketua Audit Negara

Jadual 7 menunjukkan keutamaan sumber maklumat kepada Laporan Ketua Audit Negara. Seramai 104 responden (59.1%) menyatakan mereka mendapat maklumat secara langsung daripada Buku Laporan Ketua Audit Negara. Pendekatan kedua untuk mendapat maklumat mengenai Laporan Ketua Audit Negara adalah melalui laporan akhbar diikuti oleh media elektronik. Penggunaan laman web Jabatan Audit Negara sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai Laporan Ketua Audit Negara dilihat sebagai kurang menggalakkan. Hanya 8 responden (4.6%) sahaja yang menggunakan laman web ini sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat berkenaan Laporan Ketua Audit Negara.

Dicadangkan agar publisiti mengenai laman web jabatan sebagai sumber rujukan utama dipertingkatkan melalui penerbitan brosur jabatan dan penerbitan dalam media cetak dan elektronik.

| Sumber Maklumat Laporan Ketua Audit Negara | Bilangan | Peratus |
|---|-----------------|----------------|
| Buku Laporan Ketua Audit Negara | 104 | 59.1 |
| Laporan akhbar | 49 | 27.8 |
| Media elektronik | 15 | 8.5 |
| Laman web Jabatan Audit Negara | 8 | 4.6 |
| Jumlah | 176 | 100.0 |

Jadual 7: Sumber maklumat Laporan Ketua Audit Negara

Responden turut diminta untuk memberikan pandangan sama ada mereka berminat untuk membaca Laporan Ketua Audit Negara. Berdasarkan maklum balas, 106 responden (95.5%) menyatakan mereka mempunyai minat untuk membaca Laporan Ketua Audit Negara. Hanya 5 responden (4.5%) menyatakan mereka tidak

berminat untuk membaca Laporan Ketua Audit Negara. Alasan yang dikemukakan oleh mereka adalah seperti berikut:-

- ii. Penggunaan terma perakaunan di dalam laporan yang sukar difahami;
- iii. Penerangan dianggap sekadar hiasan kepada laporan; dan
- iv. Tiada kepentingan untuk membaca laporan.

| Minat Membaca | Bilangan | Peratus |
|----------------------|-----------------|----------------|
| Ya | 106 | 95.5 |
| Tidak | 5 | 4.5 |
| Jumlah | 111 | 100.0 |

Jadual 8: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN terhadap minat membaca Laporan Ketua Audit Negara.


5.2 Mandat dan Fungsi Jabatan Audit Negara dan Laporan Ketua Audit Negara

Responden diminta untuk menilai tahap kefahaman mereka mengenai fungsi dan peranan Jabatan Audit Negara serta Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan menggunakan skala 1 hingga 5 seperti berikut:

- 1 - Amat tidak jelas
- 2 - Tidak jelas
- 3 - Agak jelas
- 4 - Jelas
- 5 - Amat jelas

a. **Mandat Jabatan Audit Negara**


Carta 1: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai Mandat JAN



Majoriti responden menyatakan bahawa mereka adalah jelas mengenai mandat Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan terhadap kementerian/jabatan/agensi kerajaan. Sebanyak 82.5% Ahli Dewan Rakyat, 100% Ahli Dewan Negara dan 82.5% Ahli DUN bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 2.5% daripada Ahli Dewan Rakyat dan 3.5% Ahli DUN menyatakan mereka masih belum jelas mengenai mandat Jabatan Audit Negara.

b. Fungsi yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara


Carta 2: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai Fungsi JAN



Berdasarkan Carta 2 didapati hanya 1.8% daripada Ahli DUN dan 2.5% Ahli Dewan Rakyat menyatakan mereka masih tidak jelas mengenai fungsi Jabatan Audit Negara. Manakala 15.8% Ahli DUN, 35.7 Ahli Dewan Negara dan 17.5% Ahli Dewan Rakyat menyatakan mereka agak jelas mengenai fungsi Jabatan. Majoriti daripada responden adalah jelas mengenai fungsi yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara.

c. Laporan Ketua Audit Negara


Carta 3: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai Laporan Ketua Audit Negara



Sebanyak 3.6% Ahli DUN dan 7.7% Ahli Dewan Rakyat didapati tidak jelas mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan untuk tempoh 2001 sehingga 2003. Bagaimanapun majoriti Ahli Parlimen dan DUN adalah jelas dengan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan untuk tempoh tersebut.

d. Penemuan audit yang dilaporkan


Carta 4: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai penemuan audit yang dilaporkan



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN menyatakan bahawa mereka adalah jelas mengenai penemuan audit yang dilaporkan. Hanya 3.6% Ahli DUN, 7.1% Ahli Dewan Negara dan 7.7% Ahli Dewan Rakyat masih tidak jelas mengenai penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan untuk tempoh 2001 sehingga 2003.

e. Syor audit yang dikemukakan


Carta 5: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai syor audit yang dikemukakan



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN menyatakan syor audit yang dikemukakan adalah jelas. Bagaimanapun, masih terdapat di kalangan Ahli Parlimen dan DUN yang masih belum jelas mengenai syor audit yang dikemukakan di mana sebanyak 7% Ahli DUN, 14.3% Ahli Dewan Negara dan 7.5% Ahli Dewan Rakyat menyatakan sedemikian.

f. **Pandangan dan pendapat audit yang dikeluarkan terhadap Akaun Awam Kerajaan.**

Carta 6: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai pendapat audit terhadap Akaun Awam Kerajaan



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN menyatakan bahawa mereka adalah jelas mengenai pandangan dan pendapat audit yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Akaun Awam Kerajaan. Hanya 7.1% Ahli DUN, 21.4% Ahli Dewan Negara dan 10% Ahli Dewan Rakyat menyatakan masih tidak jelas mengenai pandangan dan pendapat audit yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Akaun Awam Kerajaan.


5.3 Laporan Ketua Audit Negara

Responden diminta bagi memberikan pandangan mereka mengenai Laporan Ketua Audit Negara berdasarkan impak laporan yang disediakan, peranan dalam membantu wakil rakyat menjalankan tanggungjawab mereka, ketepatan maklumat dilaporkan, isu audit, kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit serta kebebasan Laporan Ketua Audit Negara menggunakan skala 1 hingga 5 seperti berikut:

- 1 – Amat tidak bersetuju
- 2 – Tidak setuju
- 3 – Agak setuju
- 4 – Setuju
- 5 – Amat setuju

a. Penemuan dan syor audit memberikan impak positif ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam negara


Carta 7: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai impak penemuan dan syor audit ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam negara



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa penemuan dan syor audit memberikan impak positif ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam negara. Hanya 1.8% Ahli DUN dan 7.5% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju bahawa penemuan dan syor audit memberikan impak positif ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam negara.

b. Penemuan dan syor audit membantu wakil rakyat melaksanakan tanggungjawab


Carta 8: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai penemuan dan syor audit membantu dalam melaksanakan tanggungjawab



Berdasarkan Carta 8, didapati 10 % Ahli Dewan Rakyat dan 3.6% Ahli DUN berpendapat bahawa penemuan dan syor audit tidak membantu mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat. Bagaimanapun, majoriti daripada Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa penemuan dan syor audit membantu mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat.

c. **Maklumat penting dilaporkan secara tepat dan dijelaskan dengan baik.**


Carta 9: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai maklumat yang dilaporkan



Carta 9 menunjukkan hanya 2.5% Ahli Dewan Rakyat dan 7.1% Ahli DUN tidak bersetuju bahawa maklumat yang penting telah dilaporkan secara tepat dan dijelaskan dengan baik di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

d. Isu audit dibangkitkan adalah relevan dan signifikan


Carta 10: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai isu audit dibangkitkan



Berdasarkan Carta 10, hanya 1.8% Ahli DUN tidak bersetuju bahawa isu audit yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah relevan dan signifikan. Selainnya, majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa isu audit yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah relevan dan signifikan.

e. **Isu audit dihuraikan dengan jelas.**


Carta 11: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai kejelasan isu audit



Carta 11 menunjukkan hanya 5.4% Ahli DUN dan 2.6% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju bahawa isu audit telah dihuraikan dengan jelas. Manakala majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa isu audit telah dihuraikan dengan jelas.

f. **Laporan Ketua Audit Negara disediakan konsisten dengan objektif audit yang ditetapkan.**


Carta 12: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai objektif audit



Majoriti daripada Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa Laporan Ketua Audit yang disediakan adalah konsisten dengan objektif audit yang ditetapkan. Hanya 3.6% Ahli DUN tidak bersetuju Laporan Ketua Audit yang disediakan adalah konsisten dengan objektif audit yang ditetapkan.

g. Syor audit adalah membina dan boleh dilaksanakan


Carta 13: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai syor audit



Berdasarkan Carta 13, didapati 1.8% Ahli DUN dan 7.1% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju syor audit yang dikemukakan adalah membina dan boleh dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi kerajaan. Kebanyakan responden bersetuju bahawa syor audit adalah membina dan boleh dilaksanakan.

h. Maklumat dipersembahkan adalah lengkap, jelas dan padat


Carta 14: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai maklumat audit



Secara keseluruhannya, Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa maklumat yang dipersembahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah lengkap, jelas dan padat. Bagaimanapun, terdapat juga Ahli Dewan Rakyat dan DUN menyatakan sebaliknya, masing-masing sebanyak 5.1% dan 8.2%.

i. **Data dipersembahkan dari sumber yang sah**


Carta 15: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai sumber data



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju data yang dipersembahkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara diperolehi dari sumber yang sah. Hanya 1.8% Ahli DUN dan 2.5% Ahli Dewan Rakyat yang menyatakan sebaliknya.

j. **Kelemahan dan kekuatan pihak auditi dilaporkan secara seimbang**


Carta 16: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai pendekatan laporan seimbang



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju dengan pendekatan laporan seimbang di mana kelemahan dan kekuatan pihak auditi dilaporkan secara seimbang. Hanya 5.4% Ahli DUN dan 2.5% Ahli Dewan Rakyat yang tidak bersetuju dengan pendekatan ini.

k. **Kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit dibincangkan dengan jelas.**


Carta 17: Pandangan Ahli Parlimen mengenai kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit



Berdasarkan Carta 17, didapati majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit dibincangkan dengan jelas di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Hanya sedikit Ahli Dewan Rakyat dan DUN yang tidak bersetuju iaitu sebanyak 2.5% dan 7.1% masing-masing.

I. Laporan dipersembahkan secara bebas tanpa prejudis

Carta 18: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai kebebasan Laporan Ketua Audit Negara



Maklumat yang ditunjukkan di dalam Carta 18 menunjukkan majoriti Ahli Parlimen dan DUN berpendapat bahawa Laporan Ketua Audit Negara telah dipersembahkan secara bebas tanpa prejudis. Hanya 5.4% Ahli DUN, 7.1% Ahli Dewan Negara dan 5% Ahli Dewan Rakyat berpendapat sebaliknya.


5.4 Skop Pengauditan

Responden diminta bagi memberikan pendapat berkenaan skop pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara berkaitan dengan akauntabiliti kerajaan, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam, pendapat terhadap akaun awam/aktiviti kerajaan serta pengurusan dan perbelanjaan dan hasil kerajaan menggunakan skala berikut:

- 1 – Amat tidak memuaskan
- 2 – Tidak memuaskan
- 3 – Agak memuaskan
- 4 – Memuaskan
- 5 – Amat memuaskan

a. **Akauntabiliti kerajaan dalam memenuhi tanggungjawabnya.**


Carta 19: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai akauntabiliti kerajaan



Berdasarkan Carta 19, didapati majoriti Ahli Parlimen dan DUN berpuas hati dengan skop pengauditan yang dilaksanakan bagi menunjukkan akauntabiliti kerajaan dalam memenuhi tanggungjawabnya. Hanya 5.4% Ahli DUN, 21.4% Ahli Dewan Negara dan 15% Ahli Dewan Rakyat berpendapat sebaliknya.

b. Kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam


Carta 20: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN berpuas hati dengan skop pengauditan berkenaan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. Hanya 8.9% Ahli DUN, 7.1% Ahli Dewan Negara dan 17.5% Ahli Dewan Rakyat tidak berpuas hati dengan skop pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara berkenaan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam.

c. Pendapat terhadap penyata akaun awam


Carta 21: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai pendapat audit



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN berpuas hati skop pengauditan yang dilaksanakan adalah memadai bagi membolehkan pendapat audit dikeluarkan terhadap penyata akaun awam/aktiviti kerajaan. Bagaimanapun, 5.4% Ahli DUN dan 12.5% Ahli Dewan Rakyat menyatakan sebaliknya.

d. Pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan

Carta 22: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan



Carta 22 menunjukkan majoriti Ahli Parlimen dan DUN berpuas hati dengan skop pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara mengenai pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan. Bagaimanapun, 8.9% Ahli DUN, 21.4% Ahli Dewan Negara dan 20.5% Ahli Dewan Rakyat masih tidak berpuas hati dengan skop pengauditan mengenai pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan.


5.5 Kredibiliti Jabatan Audit Negara

Kredibiliti Jabatan Audit Negara dinilai berdasarkan maklumat yang disediakan, kewujudan Jabatan Audit Negara memastikan pematuhan kementerian/jabatan/agensi terhadap peraturan dan undang-undang serta impak pengauditan terhadap keyakinan rakyat. Ia dinilai menggunakan skala berikut:

- 1 – Amat tidak bersetuju
- 2 – Tidak setuju
- 3 – Agak setuju
- 4 – Setuju
- 5 – Amat setuju

a. **Maklumat yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara mempunyai kredibiliti yang tinggi.**


Carta 23: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai kredibiliti maklumat audit



Carta 23 menunjukkan majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa maklumat yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi. Hanya 3.6% Ahli DUN dan 2.5% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju bahawa maklumat yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi.

- b. **Kewujudan Jabatan Audit Negara dapat memastikan Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan.**


Carta 24: Pandangan Ahli Parlimen dan DUN mengenai kepentingan Jabatan Audit Negara



Majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa kewujudan Jabatan Audit Negara dapat memastikan kementerian/jabatan/agensi kerajaan untuk mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Bagaimanapun, 5.4% Ahli DUN dan 7.5% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju kewujudan Jabatan Audit Negara dapat memastikan kementerian/jabatan/agensi kerajaan untuk mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

c. **Pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara meningkatkan keyakinan rakyat terhadap akauntabiliti pengurusan wang awam**

Carta 25: Pandangan Ahli Parlimen terhadap impak pengauditan




Majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara meningkatkan keyakinan rakyat terhadap akauntabiliti pengurusan wang awam. Hanya 1.8% Ahli DUN dan 7.5% Ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju bahawa pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara meningkatkan keyakinan rakyat terhadap akauntabiliti pengurusan wang awam.

5.6 Pengurusan Kewangan Dan Akauntabiliti Sektor Awam

Sumbangan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan dalam tempoh 2001 sehingga 2003 ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dinilai berdasarkan skala berikut:

- 1 – Amat tidak setuju
- 2 – Tidak setuju
- 3 – Agak setuju
- 4 – Setuju
- 5 – Amat setuju

Carta 26: Pandangan Ahli Parlimen terhadap sumbangan Laporan Ketua Audit Negara ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti awam.



Berdasarkan Carta 26 didapati majoriti Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan untuk tempoh 2001 sehingga 2003 telah menyumbang ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan dan akauntabiliti sektor awam. Bagaimanapun, 1.9% Ahli DUN dan 5.4% Ahli Dewan Rakyat berpendapat sebaliknya.

6. RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan keputusan analisis yang ditunjukkan didapati majoriti Ahli Parlimen dan DUN adalah jelas mengenai mandat dan fungsi Jabatan Audit Negara mengaudit akaun kementerian/jabatan/agensi untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pentadbiran awam. Ahli Parlimen dan DUN juga jelas mengenai Laporan Ketua Audit Negara, penemuan audit yang dilaporkan, syor audit yang dikemukakan serta pandangan dan pendapat audit yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Akaun Awam Kerajaan.

Ahli Parlimen dan DUN juga berpuas hati dengan Laporan Ketua Audit Negara di mana majoriti mereka bersetuju laporan audit memberikan impak yang positif; membantu wakil rakyat melaksanakan tanggungjawab mereka; maklumat yang dilaporkan adalah tepat; isu audit adalah relevan, signifikan dan dihuraikan dengan lengkap; maklumat dipersembahkan adalah lengkap, jelas dan padat

serta dari sumber yang sahih; kaedah pengumpulan data, analisis dan rumusan kajian audit dibincangkan dengan jelas dan Laporan Ketua Audit Negara dipersembahkan secara bebas tanpa prejudis.

Ahli Parlimen dan DUN juga berpuas hati dengan skop pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara menunjukkan akauntabiliti kerajaan dalam memenuhi tanggungjawabnya, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam, pendapat terhadap penyata akaun awam/ aktiviti kerajaan dan pengurusan perbelanjaan dan hasil kerajaan.

Kredibiliti Jabatan Audit Negara juga turut dinilai. Ahli Parlimen dan DUN bersetuju bahawa maklumat yang disediakan oleh jabatan mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi, kewujudan jabatan pula dapat memastikan kementerian/jabatan/agensi kerajaan mematuhi peraturan dan undang yang ditetapkan dan pengauditan yang dilaksanakan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengurusan wang awam.

Secara keseluruhan, Ahli Parlimen dan DUN berpuas hati dengan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan bagi tempoh di antara 2001 sehingga 2003 telah menyumbang ke arah meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

6.1 Cadangan Ahli Parlimen dan DUN

Berdasarkan maklum balas Ahli Parlimen dan DUN, perkara berikut wajar diberikan perhatian untuk meningkatkan kualiti Laporan Ketua Audit Negara:

- i. Penjelasan yang mendalam terhadap sesuatu isu yang material. Komen yang terperinci perlu dinyatakan untuk meningkatkan kefahaman pengguna.
- ii. Kebebasan dalam melaksanakan pengauditan. Saranan kod etika juruaudit berkenaan kebebasan juruaudit dipatuhi untuk meningkatkan tahap penerimaan pengguna. Laporan yang dianggap tidak disediakan secara bebas tidak akan dapat meyakinkan pengguna.
- iii. Laporan disediakan menggunakan bahasa yang mudah. Penggunaan terma-terma khusus dalam bidang-bidang berkaitan dengan pengauditan seperti perakaunan dan kejuruteraan perlu diminimumkan. Sekiranya digunakan, daftar istilah (*glossary*) perlu disediakan.
- iv. Rancangan pengauditan perlu disesuaikan dengan isu-isu semasa yang berlaku dan penting kepada negara. Penilaian terhadap rancangan audit perlu dilakukan sekiranya timbul isu-isu semasa yang mempunyai kepentingan kepada rakyat dan negara. Keadaan ini menunjukkan jabatan sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan membantu meningkatkan keberkesanan laporan audit.
- v. Fokus hendaklah diberikan kepada isu-isu utama dan elakkan isu-isu yang berulang-ulang. Jika berlaku, tindakan atau *task force* perlu diwujudkan. Isu yang berulang boleh menjejaskan kredibiliti

- pengauditan dan teguran hanya tinggal teguran. Kajian hendaklah menyeluruh dengan tumpuan diberikan kepada sektor bermasalah.
- vi. Melaksanakan pengauditan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan untuk mengetahui status semasa dan tindakan yang diambil oleh kementerian/jabatan/agensi kerajaan.
 - vii. Melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan untuk melihat keberkesanan kos. Tumpuan juga perlu diberikan untuk melihat kecekapan agensi menguruskan sumber dengan membuat perbandingan dengan belanjawan.
 - viii. Cadangan yang diberikan hendaklah spesifik, membina dan boleh dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi kerajaan. Cadangan perlu dikuatkuasakan. Adakan semakan pertengahan tahun, sama ada cadangan untuk memperbaiki keadaan dilaksanakan. Pemantauan berkala perlu dilakukan.
 - ix. Perlu mengesyorkan/diperakukan tindakan tegas diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Mempertimbangkan untuk mengenakan surcaj kepada pegawai awam yang tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Teguran audit hendaklah lebih berani tanpa perasaan takut.
 - x. Meningkatkan kepakaran dalam bidang lain seperti kejuruteraan, perundangan, teknologi maklumat dan sebagainya untuk mempertingkatkan lagi kaedah pengauditan di samping melaksanakan pengauditan menggunakan kepakaran khas.
 - xi. Laporan tidak disediakan dalam format yang standard.
 - xii. Menyediakan ringkasan eksekutif kepada media.
 - xiii. Memberikan tunjuk ajar kepada kementerian/jabatan/agensi yang bermasalah. Berikan kursus kepada pengguna. Diharapkan dapat turun ke negeri-negeri bagi memberikan penerangan berhubung dengan kira-kira negeri.
 - xiv. Menjelaskan kepada wakil rakyat mengenai laporan audit. Laporan yang telah dirumuskan dapat dibentangkan kepada semua Ahli Dewan Rakyat/Negara.
 - xv. Teruskan peningkatan kaedah pengauditan ke tahap yang lebih baik. Laporan amat memuaskan.
 - xvi. Huraian terhadap perbelanjaan perlu dibahagiakan kepada pecahan-pecahan perkara yang lebih terperinci supaya lebih jelas dari segi kawalan belanjawan. Satu panduan ringkas dapat diedarkan kepada wakil rakyat supaya faham untuk menganalisis laporan audit.
 - xvii. Ketelusan dan laporan berserta fakta-fakta dan saranan untuk tingkatkan urus tadbir yang lebih cemerlang.
 - xviii. Laporan lebih menekankan bidang kewangan tetapi penyalahgunaan harta kerajaan seperti kereta, rumah dan lain-lain lagi jarang ditekankan.
 - xix. Menggunakan kemudahan media masa secara berkala. Laporan audit hendaklah disalurkan dengan lebih menyeluruh menggunakan media.
 - xx. Hantar laporan bulanan kepada wakil rakyat.
 - xxi. Melaksanakan audit dengan telus dan jujur. Mesti berani mendedahkan penyelewengan pada peringkat tinggi.
 - xxii. Sediakan laporan yang berbeza-beza bukan standard sahaja. Pembaca tidak dapat membezakannya.

- xxiii. Laporan yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara tidak dianggap penting bagi sesetengah kementerian/jabatan kerajaan. Oleh yang demikian masih terdapat kelemahan dari tahun ke tahun masih tidak berubah.
- xxiv. Keberkesanan tindakan oleh agensi kerajaan tidak dapat meyakinkan pendapat umum sehingga semua syor oleh pihak audit dapat diikuti atau difahami sepenuhnya pelaksanaannya. Maka perlu ada arahan pelaksanaan yang tegas kepada agensi kerajaan untuk tindakan pembetulan.

6.2 Komen Lain

Berikut merupakan komen lain daripada Ahli Parlimen dan DUN:-

- i. Mengadakan kursus pengurusan kewangan untuk Ahli Parlimen dan DUN.
- ii. Laporan Ketua Audit Negara perlu diperbaiki lagi.
- iii. Memberi laporan mengenai kecekapan, keberkesanan dan ekonomi perbelanjaan.
- iv. Menentukan sama ada perbelanjaan menguntungkan kumpulan sasaran.
- v. Menjalankan pemeriksaan terhadap perkara sebenar yang dinyatakan dalam rekod agensi kerajaan.
- vi. Syabas dan tahniah kepada warga kerja Jabatan Audit Negara. Diharap potensi Audit Negara dipertahankan kalau boleh dipertingkatkan lagi.
- vii. Perakuan Ketua Audit Negara hanya memenuhi format kehendak peraturan tetapi tidak menggambarkan ketidakpuasan penemuan. Dalam banyak masa kesalahan yang ditegur berulang lagi dalam laporan berikutnya.
- viii. Jangan patah semangat dalam mencari sumber maklumat. Teruskan usaha bagi membantu melahirkan kerajaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
- ix. Kupasan komen pembuat salah perlu lebih jelas dan diperincikan.
- x. Yang gagal jangan dikeji. Tunjuk ajar cara mengatasi.
- xi. Laporan pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara memuaskan pelanggan.
- xii. Harus memastikan komen-komen yang dibuat oleh Ketua Audit Negara diambil tindakan oleh Jabatan yang berkenaan.
- xiii. Teruskan usaha yang baik ini. Mesti mewujudkan mekanisme untuk Ketua Setiausaha Negara mengambil tindakan terhadap pegawai sektor awam yang kurang efisien di dalam pengurusan kewangan di bawahnya.
- xiv. Lebih penerangan tentang objektif positif Ketua Audit Negara.
- xv. Laporan audit dan cadangan tindakan ada, tetapi pelaksanaan tindakan adalah terlalu lembut, lambat atau tiada tindakan langsung. Sepatutnya tindakan keras dan cepat. Tapi ini mungkin bukan tugas Jabatan Audit Negara tapi agensi pelaksana yang lain.

- xvi. Peranan Jabatan Audit Negara memang penting tetapi tiada sebarang kuasa untuk memastikan kementerian/jabatan kerajaan mengikut syor yang dikemukakan.
- xvii. Tahniah di atas tanggungjawab yang dilaksanakan dengan penuh amanah dan efisien.

7. KESIMPULAN

Sungguhpun pada keseluruhannya maklum balas Ahli Parlimen dan DUN terhadap peranan Jabatan Audit Negara bagi memantapkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran sektor awam adalah memuaskan, cadangan mereka perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan lagi prestasi kerja pengauditan pada masa hadapan.